

UCAPAN YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR, KETUA MENTERI SABAH, SEMPENA MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS PENASIHAT WANITA SABAH 2021/2022, DI PEJABAT KETUA MENTERI, TINGKAT 32, PUSAT PENTADBIRAN NEGERI SABAH PADA 15 APRIL 2021

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat bertemu dalam Majlis Angkat Sumpah Ahli-Ahli Majlis Penasihat Wanita Sabah hari ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan tahniah atas pelantikan ahli-ahli MPWS yang baharu bagi sesi 2021-2022.
2. Saya juga dimaklumkan, bersama kita pada pagi ini sebahagian daripada 10 ahli yang telah dilantik untuk menerajui MPWS. Saya berharap ahli yang baharu ini akan memberikan sumbangan idea, masa dan tenaga sepanjang tempoh lantikan selama dua tahun ini untuk melaksanakan sebaiknya agenda pembangunan wanita di Sabah.
3. Sumber daripada Jabatan Statistik Malaysia merekodkan bahawa jumlah penduduk di Sabah dianggarkan meningkat daripada 3.9 juta pada 2019 kepada 4.9 juta menjelang 2040. Jumlah wanita di Sabah pula dianggarkan meningkat daripada 1.8 juta tahun 2019 kepada 2.4 juta tahun 2040. Melihat senario penambahan penduduk ini terutama wanita, maka saya menjangkakan akan banyak isu yang perlu dikupas dan diselesaikan oleh kerajaan negeri bersama MPWS.
4. Ini adalah tugas penting MPWS bagi memastikan wanita di Sabah tidak ketinggalan dalam arus pembangunan dan kemajuan. Ia sejajar dengan peranan MPWS untuk mengerak misi memastikan wanita di Sabah ini inovatif dan berpengetahuan supaya mereka terus maju sederap (serentak) dengan perubahan serta pembangunan negara.
5. Sememangnya, kerajaan amat menghargai peranan dan sumbangan wanita dalam membantu membangun dan memajukan negeri ini. Saya berharap kepimpinan MPWS yang baharu ini akan dapat memperkasa pembangunan wanita di negeri ini, khususnya di luar bandar. Ini termasuk memperhebatkan aktiviti yang boleh meningkatkan sosio ekonomi wanita di negeri ini, terutama mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
6. Kerajaan negeri juga berharap MPWS akan menjadi jambatan sebagai penghubung atau jentera untuk menyampaikan agenda kerajaan termasuk bantuan yang disediakan. Ini kerana saya dimaklumkan ada tujuh (7) jawatankuasa kecil yang diwujudkan bagi menggerakkan usaha membangun dan memajukan wanita di negeri ini. Jawatankuasa itu adalah ekonomi, pendidikan, kesihatan, gender, sosial, undang-undang dan media. Saya melihat jawatankuasa ini adalah teras bagi Halatuju Sabah Maju Jaya (SMJ) yang berkaitan modal insan dan kesejahteraan rakyat.
7. Saya juga dimaklumkan perkara-perkara melibatkan dasar yang berkaitan dengan isu wanita. Sebagai contohnya Dasar Wanita-Wanita Negara yang telah digubal pada tahun 1989 dikemukakan kepada pihak kerajaan di peringkat Persekutuan dan jika ada dasar yang sinonim dengan wanita di peringkat negeri juga yang lazimnya dibawa kepada pengetahuan Ketua Menteri untuk perbincangan dan pertimbangan. Bagi perkara ini, saya sentiasa terbuka dan bersedia demi memperkasakan dan meningkat martabat wanita di Sabah.

8. Pembangunan wanita adalah salah satu agenda penting yang menjadi tumpuan kerajaan dalam konteks pembangunan negeri. Pada masa kini, kaum wanita dilihat sebagai salah satu komponen modal insan yang amat penting yang mana peranan mereka dalam pembangunan keluarga dan masyarakat. Kaum wanita juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara.

9. Atas komitmen itu, dalam Belanjawan Sabah 2021, Kerajaan Negeri telah memberi perhatian serius terhadap kebajikan kaum wanita untuk memastikan golongan ini mendapat peluang dan faedah daripada pembangunan. Sebanyak RM15.66 juta diperuntukkan untuk program pembangunan wanita di Sabah untuk tahun ini.

10. Ini termasuk peruntukan di bawah Yayasan Usaha Maju (YUM) berjumlah RM9.80 juta yang melibatkan pengurusan operasi dan penyediaan kemudahan pinjaman mikro kepada golongan wanita dan sebanyak RM5.86 juta kepada Jabatan Hal-Ehwal Wanita (JHEWA) Sabah bagi tujuan pelbagai program dan kursus kemahiran kepada ibu tunggal dan wanita dalam golongan miskin.

11. Sehubungan itu, suka saya menekankan bahawa kerjasama erat di antara Majlis Penasihat Wanita Sabah dengan Kerajaan Negeri perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi bagi mencapai halatuju yang sama iaitu membina sebuah negeri yang maju dan membangun sekali gus menjayakan Halatuju Sabah Maju Jaya.

12. Sekali lagi, syabas dan tahniah kepada semua ahli yang telah dilantik. Semoga sama-sama dapat menyumbang idea dan tenaga demi membangunkan wanita di negeri Sabah. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan kepada kaum muslimin dan muslimin. Semoga Ramadan ini akan membawa rahmat dan kebaikan kepada kita semua

Sekian, terima kasih.